

Kongsi ilmu

120 pelajar sertai program sains anjuran siswa UPM



LENSA KAMPUS

Oleh Dr Yap Wing Fen
rencana@media-
prima.com.my

Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Science On The Road di kampusnya di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Program berkenaan dianjurkan ahli kelab siswa Fakulti Sains UPM, Kelab Mahasiswa Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik.

Ia disertai 120 pelajar tingkatan empat dan lima dari Sekolah Berasrama Pe-

nuh Integrasi Rawang, Sekolah Menengah Sains Kuala Selangor, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putrajaya Presint 9 (1) dan SMK Sri Serdang.



MENCUBA salah satu aktiviti menarik bagi menguji kefahaman.



KHUSYUK mendengar penerangan daripada seorang ahli kelab siswa Fakulti Sains UPM mengenai aktiviti dijalankan.



PESERTA bergambar kenangan selepas tamat program.



BERBINCANG bersama untuk mencari jawapan diperlukan.